

# Limpahan air sungai **punca keruh**

Kerajaan tubuh jawatankuasa khas pantau pelaksanaan usaha pulih, pelihara Tasik Chini

PEKAN - Kekeruhan air di Tasik Chini di sini, sebelum ini bukan disebabkan oleh aktiviti pembalakan atau perlombongan, sebaliknya akibat limpahan air Sungai Pahang pada musim tengkujuh.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, kekeruhan itu akan hilang selepas banjir berakhir dan tidak menjejaskan kualiti air Tasik Chini yang kekal pada tahap kelas 1 dan 2.

"Kekeruhan atau pencemaran yang dikatakan berlaku di Tasik Chini bukan disebabkan oleh pembalakan, perlombongan atau aktiviti manusia kerana tinjauan dilakukan mendapati tiada aktiviti sedemikian di kawasan sekitar tasik.

"Jika ada pun, ia hanya kesan lama kerana tiada aktiviti baharu," katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat tertutup dan meninjau kawasan tasik selama kira-kira sejam di sini, semalam.

Turut serta, Setiausaha

INFO

● Kualiti air Tasik Chini kekal pada tahap kelas 1 dan 2

● Pemantauan kualiti air dilakukan menerusi 15 stesen di 12 kawasan 'laut'

Kementerian, Datuk Seri Azizan Ahimad dan Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas dan Alam Sekitar negeri, Datuk Seri Mohd Soffi Abd Razak.

Wan Junaidi berkata, limpahan air sungai terlampau banyak pada musim tengkujuh juga menyebabkan bunga teratai yang menjadi 'trademark' Tasik Chini mati, namun keadaan itu juga akan pulih dalam masa beberapa bulan selepas banjir berakhir.

Beliau berkata, bagi mengatasi masalah limpahan air Sungai Pahang, pihaknya akan mengkaji kesesuaian untuk membina pintu



Wan Junaidi (dua, kiri) bersama rombongan meninjau kawasan tasik ketika melakukan lawatan kerja ke Tasik Chini, semalam.

air boleh laras memandangkan pintu air yang ada pada masa kini berbentuk statik yang tidak boleh menghalang kemasukan air sungai.

Wan Junaidi berkata, pemantauan ke atas kualiti air dilakukan menerusi 15 stesen pemantauan di semua 12 kawasan 'laut' yang mana

merupakan gelaran diberi masyarakat Orang Asli di situ, mengikut pembahagian kawasan di Tasik Chini.

Menurutnya, jawatankuasa khas diketuai kementerianya ditubuhkan pada Mac 2016 bagi memantau pelaksanaan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan Tasik Chini.

Katanya, antara tanggungjawab jawatankuasa itu adalah memastikan aktiviti perlombongan di sekitar Tasik Chini menggunakan kaedah secara mampan, meneruskan inisiatif pemuliharaan hutan, penguatkuasaan, pemuliharaan dan kesedaran awam. - *Bernama*